
**KONGRES PERANCANGAN BANDAR KEBANGSAAN
MENYATAKAN SOKONGAN KEPADA AKTA PSB**

PUTRAJAYA, 30 Oktober 2025 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) menyambut baik maklum balas positif berkenaan dengan penggubalan Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar yang digubal bersama Bahagian Undang-Undang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Respons baik ini diterima sepanjang Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Kebangsaan dan Kongres Perancangan Kebangsaan (NPC) yang berlangsung selama tiga (3) hari daripada 28 hingga 30 Oktober 2025 di Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Dalam sesi libat urus khas ***Diskusi Ilmiah: Transforming Our Cities For A Better Urban Future*** yang membincangkan aspek berkaitan penyegaran, penjanaan dan pembangunan semula bandar, PLANMalaysia menerima **sokongan padu** daripada badan-badan profesional, tokoh-tokoh akademik daripada institusi pengajian tinggi awam, jawatankuasa penduduk, pihak berkuasa tempatan (PBT), agensi kerajaan, NGO dan lain-lain organisasi berkaitan pembaharuan semula bandar.

Diskusi Ilmiah yang berjaya menarik penyertaan lebih 500 peserta telah membincangkan subjek pembaharuan semula bandar berdasarkan fakta

dan ruang lingkup perundangan sedia ada telah merumuskan dengan wujudnya Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar (RUU PSB), ia dapat membentuk satu kerangka perundangan bagi memandu agensi dan pihak-pihak berkepentingan dalam melaksanakan PSB secara bersepadu.

PLANMalaysia berpandangan bahawa pelaksanaan pembaharuan semula bandar ini membuka peluang kerjasama lebih strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk jawatankuasa penduduk, penggerak projek dan pelbagai profesion dalam melaksanakan agenda pembangunan sejajar dengan pewujudan rangka kerja perundangan baharu yang lebih menyeluruh dan berkesan.

Lebih 5,000 pengunjung daripada pelbagai latar belakang hadir memeriahkan HPBS dan NPC 2025 yang menampilkan pelbagai program anjuran PLANMalaysia dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) seperti pembentangan kertas kerja, sesi perbincangan panel, pameran, program diskusi ilmiah serta pelbagai sesi *Pocket Talk* berkaitan Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar dan subjek-subjek berkaitan pembangunan bandar.

Secara khusus, berkaitan dengan topik pembaharuan semula bandar, usaha untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan semua pihak tidak terhenti melalui program HPBS, NPC, Diskusi Ilmiah dan sesi-sesi libat urus sebelum ini, malah PLANMalaysia terbuka menerima pandangan semua pihak bagi memantapkan kandungan RUU PSB sebelum ianya dibentangkan di Parlimen.

PLANMalaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengunjung dan peserta yang hadir serta memberikan sokongan dan respon positif terhadap ikhtiar perancangan bandar dalam usaha merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI ke arah memperkukuhkan agenda pembangunan bandar yang mampan, terangkum, berdaya huni serta memastikan tiada sesiapa yang tertinggal dalam arus pembangunan.

#PLANMalaysia
#MalaysiaMADANI
#RUUPSB

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang merupakan peneraju agenda perancangan pembangunan negara.

*Dikeluarkan Oleh: Bahagian Korporat
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8091 0000 | Email: korporat@planmalaysia.gov.my*

